

Surat Pekeliling Perbendaharaan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 11 TAHUN 1999
(TAMBAHAN KETIGA SPP BIL. 2 TAHUN 1995)**

**TATACARA PENYEDIAAN, PENILAIAN,
DAN PENERIMAAN TENDER**

1. TUJUAN.

1.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan (agensi Kerajaan) berkenaan kos Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dinilai/hargakan dan dimasukkan dalam **kos kerja-kerja awalan** (*preliminaries*). Di samping itu agensi Kerajaan dibenar memulangkan 50% daripada nilai Bon Pelaksanaan kepada kontraktor sebaik sahaja **Perakuan Siap Kerja** dikeluarkan.

2. LATAR BELAKANG.

2.1. Bon Pelaksanaan adalah merupakan suatu sandaran yang dipegang oleh Kerajaan sebagai jaminan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani.

2.2 Bagi tujuan memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan, kontraktor diberi pilihan sama ada mengemukakan:

2.2.1. **Jaminan Bank**; atau

2.2.2. **Jaminan Insurans** (*bagi nilai perolehan kerja yang tidak melebihi RM1 juta sahaja*); atau

2.2.3. Dikenakan **Wang Jaminan Pelaksanaan**.

2.3. Sekiranya kontraktor berkenaan gagal mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai. Walau bagaimanapun pada bila-bila masa di sepanjang pelaksanaan projek tersebut, kontraktor boleh mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans dan agensi Kerajaan berkenaan dikehendaki memulangkan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.

2.4. Pada lazimnya kos menyediakan Wang Jaminan Pelaksanaan tidak diambil kira dan tidak dimasukkan ke dalam kos kerja-kerja awalan (*preliminaries*).

3. KAEDAH PELAKSANAAN.

3.1. Bagi membantu meringankan masalah yang di hadapi oleh kontraktor, Kerajaan telah bersetuju untuk meniliahargakan Wang Jaminan Pelaksanaan dan melepaskan Bon Pelaksanaan seperti yang berikut:

3.2. Kos Wang Jaminan Pelaksanaan

3.2.1. Bagi petender yang memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan, kadar kos penyediaan Wang Jaminan Pelaksanaan boleh diniliahargakan dan dimasukkan ke dalam pengiraan kerja-kerja awalan (*preliminaries*). Kadar kos Wang Jaminan Pelaksanaan yang diambil kira hendaklah sama kadarnya dengan kos bayaran premium Jaminan Bank atau Jaminan Insurans bagi nilai perolehan kerja tersebut.

3.2.2. Agensi Kerajaan dikehendaki memasukkan peraturan ini ke dalam dokumen tender yang dikeluarkan.

3.3. Pelepasan Bon Pelaksanaan.

3.3.1. Jaminan Bank

3.3.1.1. Agensi Kerajaan boleh melepaskan sebanyak 50% daripada nilai Jaminan Bank yang dipegang oleh mereka kepada kontraktor sebaik sahaja **Sijil Perakuan Siap Kerja** dikeluarkan.

3.3.1.2. Agensi Kerajaan dikehendaki memaklumkan secara bertulis tentang perkara ini dan kontraktor berkenaan hendaklah berurusan dengan bank bagi menggantikan jaminan yang asal dengan jaminan baru yang nilainya bersamaan dengan 50% dari jaminan asal.

3.3.1.3. Setelah jaminan baru ini diterima, agensi Kerajaan hendaklah memulangkan jaminan yang asal kepada kontraktor berkenaan.

3.3.2. Jaminan Insurans

3.3.2.1. Agensi Kerajaan boleh melepaskan sebanyak 50% daripada nilai Jaminan Insurans kepada kontraktor sebaik sahaja Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

3.3.2.2. Agensi Kerajaan dikehendaki memaklumkan secara bertulis tentang perkara ini dan Kontraktor berkenaan hendaklah berurusan dengan syarikat insurans untuk menggantikan Jaminan Insurans asal dengan Jaminan Insurans baru yang bersamaan dengan 50% dari jaminan asal.

3.3.2.3. Setelah Jaminan Insurans yang baru diterima, agensi Kerajaan berkenaan hendaklah memulangkan Jaminan Insurans yang asal kepada kontraktor.

3.3.3. Wang Jaminan Pelaksanaan

3.3.3.1. Agensi Kerajaan boleh melepaskan sebanyak 50% daripada nilai Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan setelah Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan.

3.3.3.2. Baki Wang Jaminan Pelaksanaan sebanyak 50% lagi boleh dilepaskan sekiranya kontraktor dapat mengemukakan Jaminan Bank yang sama nilai dengan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.

3.3. Baki Bon Pelaksanaan sebanyak 50% lagi hendaklah dilepaskan 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan mengikut mana yang terdahulu.

4. KUAT KUASA

4.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan terpakai bagi perolehan kerja sahaja.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' OTHMAN BIN MOHD.RIJAL)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan.

Bertarikh : Oktober 1999

No. Fail : S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.4 ()

s.k

Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri,dan
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan

26/10/99/Tambahan ke3 SPP295/sab
disk c(data)tk.5